

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 11 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 42

Tommy serah affidavit balas

Shah Alam: Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas sudah menyerahkan affidavit balasan dalam permohonan untuk menggantungkan prosiding perbicaraan komital (menghina mahkamah) yang difailkan bapa Muhammad Adib Mohd Kassim berhubung inkuiri kematian anaknya.

Peguam Mohd Haniff Katri Abdulla yang mewakili bapa Muhammad Adib berkata, affidavit balasan itu diserahkan oleh wakil Peguam Negara kepada pihaknya, Selasa lalu.

"Afidavit balasan itu dilakukan melalui serahan ke pejabat Tetuan Mohd Zubir

Embong & Associate pada 8 Oktober lalu.

"Pihak kami kini dalam proses mengkaji affidavit yang diserahkan oleh beliau (Tommy) dan akan memfailkan affidavit semula jika ada keperluan," katanya.

Menurut Mohd Haniff, jika tiada apa-apa lagi affidavit, kedua-dua pihak akan berhujah berhubung permohonan penangguhan prosiding komital dihadapi Peguam Negara di mahkamah pada 21 Oktober ini.

Pada prosiding Isnin lalu, Mahkamah Koroner dimaklumkan Peguam Negara belum membuat keputusan sama ada memberikan ke-

terangan di dalam kandung saksi ataupun melalui affidavit.

Perkara itu hanya akan diketahui sebelum perbicaraan prosiding komital terhadap Peguam Negara itu bermula.

Pada 16 Julai lalu, Mohd Kassim Abdul Hamid, 65, memfailkan permohonan perintah komital kepada Tommy kerana menghina mahkamah berkaitan proses inkuiri kematian anaknya.

Permohonan secara ex-parte (sebelah pihak) itu dibuat melalui Tetuan Mohd Zubir Embong & Associate di Pejabat Pendaftar Mahkamah Koroner.